



Jabatan Kejuruteraan Awam dan Struktur

Buletin

Homepage : <http://pkukmweb.ukm.my/~jkas/>

Email : riza@vlsi.eng.ukm.my

No. Tel.: 03-89216213



30 Nov 2006

Vol.2 No.10

UKM berjaya memenangi Anugerah Kualiti Perdana Menteri

UKM berjaya memenangi **Anugerah Kualiti Perdana Menteri (AKPM) Sektor Awam 2006** iaitu Anugerah tertinggi yang mengiktiraf kualiti kecemerlangan pengurusan bagi organisasi kerajaan. **Anugerah tersebut telah disampaikan oleh Perdana Menteri Malaysia, Y.A.B. Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi di Majlis Anugerah Kualiti Sektor Awam (AKSA) 2006 pada 28 November 2006.** Bagi Anugerah tersebut, UKM menerima wang tunai RM 30,000 serta piala dan sijil penghargaan. Warga Fakulti Kejuruteraan amat berbangga dengan anugerah ini. Juru Audit Jabatan Perdana Menteri telah datang melawat Fakulti Kejuruteraan untuk menilai kualiti pengajaran, penyelidikan dan pengurusan yang diamalkan.




Peperiksaan dan Penilaian

Bulan November merupakan antara bulan yang paling digeruni oleh pelajar. Pada bulan ini mereka dinilai dari segi pengetahuan, sikap dan kemahiran. Sesuai dengan taraf UKM sebagai universiti terbaik dan berkualiti tinggi di Malaysia, penilaian ketiga-tiga aspek tersebut adalah ketat bagi memastikan graduan yang dihasilkan menepati kriteria yang disasarkan.



Menilai kemahiran pelajar dengan memberikan masalah sebenar untuk diselesaikan



Menilai sikap pelajar ketika bekerja dalam kumpulan dengan memberikan mereka projek besar

Program Dwi-Ijazah dengan Univeristi Duisburg-Essen, Jerman

Selepas kumpulan pertama pergi ke Jerman untuk menghabiskan dua semester terakhir di Univesiti Duisburg-Essen (UDE), 15 orang pelajar tahun 3 telah mendaftar untuk pergi ke Jerman pada tahun depan. Pada 23 November lalu, calon-calon telah ditemuduga dan hanya 10 sahaja yang terpilih untuk mengikuti program. Mereka akan mendapat dua ijazah kejuruteraan, satu dari UKM dan satu lagi dari UDE selepas dua semester di Jerman. Sebelum pergi, mereka perlu mengikuti kelas bahasa Jerman secara intensif.



Belajar Bahasa Jerman secara intensif semasa cuti semester



Surat watakah dari UDE kepada Dekan Fakulti Kejuruteraan yang memberi kuasa memilih pelajar-pelajar yang akan ke Jerman



Seorang calon sedang ditemuduga oleh Dr Martin Denecke



Bersama Dr Martin Denecke

2nd International Road Safety Conference, Dubai, United Arab Emirates

Pada 6 dan 7 November 2006, **PM Engr Dr Amiruddin Ismail** telah menghadiri dan membentangkan kertas kerja yang bertajuk ***“Public attitudes and perception towards policy measures for encouraging public transport use in Kuala Lumpur”***. Kertas kerja ini adalah ditulis bersama dengan Prof Ir Dr Riza Atiq O.K. Rahmat dan En Abdullah Nurdden pelajar Doktor Falsafah di JKAS. Sebanyak 6 kertas ucaptama dan 21 kertas kerja telah dibentangkan pada persidangan ini yang diadakan di sebuah hotel yang terkemuka di sini dan dihadiri seramai 300 orang. Para pembentang adalah merupakan pakar-pakar dunia yang bersidang untuk membincangkan perkara-perkara yang bersangkutan dengan keselamatan jalan raya. Persidangan ini telah dianjurkan oleh Road & Transport Authority (RTA), Government of Dubai bersama-sama dengan 20 penaja dari seluruh dunia yang bertemakan “Road safety without borders”.



International Symposium on Steel Structures

Professor N E Shanmugam attended the **4th International Symposium on Steel Structures** and delivered an **Invited Lecture on “Horizontally Curved Plate Girders”**. The symposium was held in Seoul, South Korea on 16-17 November 2006, and organized by the Korean Society for Steel Construction (KSSC). Around 180 papers from 18 countries were presented and the presentation was followed by active discussion. The parallel sessions during the two days covered several aspects of steel construction which included buckling restrained brace, welding, damage assessment, fire



resistance in steel structures, high performance steel, nonlinear behavior, bridges, earthquake resistance, composite and hybrid structures, structural connections and stability and design codes among other topics. KSSC is actively involved in promoting the use of structural steel in construction and the symposium is part of KSSC activities to provide an international forum to present and share the latest developments in various aspects of steel construction. Before going to Seoul **Professor Shanmugam visited the College of Engineering, Kyungpook National University in Daegu where he was invited to speak on “Ultimate Load Behavior of Plate Girder Webs”**. The lecture was attended by the Faculty and Research Students.